



## JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

JAKIM mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

### PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S19 (CONTRACT OF SERVICE) SEBAGAI PENGGERAK MASYARAKAT SAUDARA KITA (PMSK)

Taraf jawatan : Kontrak (*Contract of Service*)  
Bayaran Gaji : RM1,352.00 Minima  
Penempatan : Sarawak (7 kekosongan) dan Sabah (8 kekosongan)

#### DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan program, aktiviti, khidmat nasihat, kebajikan dan urusan Saudara Kita.

#### SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan:
  - (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta:
    - (a) Kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah; dan
    - (b) Lulus dalam subjek Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi).  
**[Gaji Permulaan ialah pada Gred S19: RM1,352.00]; atau**
  - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji Permulaan ialah pada Gred S19: RM1,408.40]; atau**
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji Permulaan ialah pada Gred S19 : RM1,464.80]; dan**
  - (iv) Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### Keutamaan:

4. Permohonan oleh lepasan Sekolah Aliran Agama; dan
5. Masyarakat peribumi Sabah & Sarawak yang memenuhi syarat kelayakan digalakkan memohon.

#### CARA MEMOHON

1. Sila kemukakan **resume serta salinan sijil** melalui pos ke alamat berikut:

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman  
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA

2. Sila tuliskan **nama jawatan yang dipohon** di sebelah kiri (atas) sampul surat.

#### PERHATIAN

Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri temu duga.

**Tarikh Tutup Permohonan: 14 Jun 2019 (Jumaat)**